

Headline	17 pesakit ke India	Language	MALAY
Date	26. Oct 2008	Page No	14
Media Title	Metro Ahad	Article Size	64 cm²
Section	Setempat	Frequency	Daily
Circulation	342444	Color	Full Color
Readership	2583000	AdValue	



17 pesakit ke India

Bagi menjalani pembedahan jantung kongenital kronik kerana kekurangan pakar tempatan



MODEN... Liow (kanan) melihat katil hospital keluaran LKL yang turut dieksport ke seluruh Asia Tenggara.

>>Oleh NORLAILA HAMIMA
JAMALUDDIN
norlaila@metro.com.my

SERI KEMBANGAN: Seramai 17 pesakit jantung kanak-kanak kini mampu menikmati kehidupan cergas dan sihat selepas menjalani pembedahan jantung di Hospital Narayana Hrudayalaya (Narayana) di India, walaupun penghantaran mereka ke luar negara pernah mendapat bantahan beberapa pihak.

Langkah itu diambil bagi mengatasi masalah kekurangan pakar bedah jantung tempatan yang khusus dalam bidang penyakit jantung kongenital kronik dan sehingga kini Kementerian Kesihatan menghantar dua kumpulan pesakit berumur antara tiga bulan hingga 13 tahun pada 27 Julai dan 15 Oktober lalu.

Menyerinya, Datuk Liow Tiong Lai, berkata kos rawatan bagi setiap pesakit sangat berpatutan iaitu RM14,900 yang merangkumi RM10,000 bagi bayaran pembedahan manakala baki RM4,900 pula digunakan untuk perbelanjaan sampingan seperti visa dan tempat tinggal selama 12 hingga 22 hari.

"Setiap tahun kita menerima 2,000 hingga 3,000 pesakit jantung kanak-kanak yang memerlukan pembedahan, tetapi kita tidak cukup pusat rawatan. Dalam setahun kita hanya boleh menjalankan pembedahan ke atas 1,200 pesakit, jadi selebihnya perlu diantar ke luar negara.

"Saya berterima kasih kepada Hospital Narayana yang mengadakan program rawatan pada harga berpatutan. Tindakan kementerian ini adalah untuk membantu pesakit kanak-kanak miskin dan tidak mampu mendapatkan rawatan di hospital swasta.

"Tempat di hospital kerajaan terhad, oleh itu kita perlu menghantar mereka ke India secepat mungkin kerana pesakit tidak boleh tunggu lama," katanya selepas merasmikan Wisma LKL Advance Metaltech Sdn Bhd (LKL); syarikat pengeluar perabot perubatan terkemuka, di sini, semalam.

Hadir sama Timbalannya, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad; Pengurus LKL, Mohamed Hasnan Che Hussin dan Pengarah Urusan LKL, Lim Kon Lian.

Pada majlis sama, LKL turut menandatangani perjanjian persefahaman dengan Hospital Narayana bagi membekalkan 30,000 katil dalam tempoh tiga hingga

lima tahun; bilangan sama dengan jumlah katil di semua hospital kerajaan di Malaysia.

Menurutnya, untuk rawatan susulan, pesakit hanya perlu pergi ke hospital asal (di negeri masing-masing) sebelum kes mereka dirujukkan ke Kementerian Kesihatan.

Malah, beliau menolak dakwaan sesetengah pihak bahawa kos rawatan susulan akan lebih mahal kerana pesakit dirawat di hospital kerajaan.

Perbelanjaan untuk pesakit jantung kongenital (sakit jantung sejak dilahirkan) diambil dari Tabung Bantuan Perubatan yang memperuntukkan RM2 juta setahun bagi membantu pesakit miskin dari seluruh negara.

Soal membelaikangkan kepakaran tempatan tidak timbul kerana yang lebih penting ialah dapat memberi rawatan dan pembedahan secepat mungkin kepada pesakit jantung kanak-kanak, terutama daripada golongan kurang mampu.

Kementerian juga berterima kasih kepada Hospital Aventis, Pulau Pinang yang menjalankan pembedahan jantung kepada pesakit kanak-kanak secara percuma. Saya berharap program seperti ini dapat meningkatkan lagi perkhidmatan perubatan dalam negara," katanya.

Ditanya mengenai isu keselamatan penggunaan pinggan mangkul yang diperbuat daripada melamin, Liow berkata, kementerian menjalankan usaha sama dengan Universiti

Headline **17 pesakit ke India**
Date **26. Oct 2008**
Media Title **Metro Ahad**

Putra Malaysia (UPM) bagi membuat penyelidikan migrasi melamin ke dalam makanan.

"Ujian masih dijalankan dan apabila selesai, kita akan umumkan keputusannya. Saya faham ramai bimbang mengenai perkara ini.

"Buat masa ini kementerian sentiasa memantau kandungan melamin dalam makanan. Setiap hari ada saja pengumuman dibuat mengenai produk mana yang diperiksa.

"Kita akan teruskan pemantauan dan pemeriksaan. Hingga hari ini pemeriksaan di semua pintu masuk negara bagi produk makanan dari China masih di tahap lima dan tahap enam bagi susu dan produk susu. Usaha ini akan diteruskan sehingga masalah melamin di China selesai," katanya.